

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Jumaat, 27 Oktober 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAGI STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI

SEPTEMBER 2023

EKSPORT BAGI TIGA NEGERI MENCATATKAN PENINGKATAN PADA

BULAN SEPTEMBER 2023

PUTRAJAYA, 27 Oktober 2023 – Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM224.4 bilion pada September 2023 dengan nilai eksport RM124.5 bilion dan import bernilai RM100.0 bilion seperti yang dilaporkan hari ini dalam **STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI SEPTEMBER 2023**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata prestasi eksport Malaysia pada September 2023 bernilai RM124.5 bilion, menurun sebanyak RM19.8 bilion (-13.7%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Penurunan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Johor (-RM6.7 bilion), Pulau Pinang (-RM4.8 bilion), Sarawak (-RM3.8 bilion), Selangor (-RM3.1 bilion), W.P. Labuan (-RM1.6 bilion), Sabah (-RM983.3 juta), Perak (-RM537.9 juta), Terengganu (-RM524.4 juta), Melaka (-RM404.6 juta), Pahang (-RM306.4 juta), Perlis (-RM25.5 juta) dan Kelantan (-RM12.0 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport meningkat di Kedah sebanyak RM1.9 bilion, W.P. Kuala Lumpur (+RM961.1 juta) dan Negeri Sembilan (+RM81.9 juta).

Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 34.6 peratus, diikuti oleh Johor (19.3%), Selangor (17.1%), Sarawak (6.8%) dan Kedah (5.0%).

Beralih kepada prestasi import mengikut negeri, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan import pada bulan September 2023 juga menurun RM12.5 bilion (-11.1%) berbanding bulan yang sama pada 2022. Penurunan import disebabkan oleh import yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Johor (-RM5.1 bilion), Pulau Pinang (-RM3.7 bilion), Selangor (-RM2.0 bilion), Kedah (-RM754.5 juta), Sarawak (-RM665.0 juta), Melaka (-RM626.5 juta), W.P. Labuan (-RM509.0 juta), Perak (-RM255.3 juta), W.P. Kuala Lumpur (-RM188.1 juta), Sabah (-RM103.1 juta) dan Perlis (-RM2.4 juta). Walau bagaimanapun, nilai import meningkat di Negeri Sembilan sebanyak RM990.5 juta, Pahang (+RM591.6 juta), Terengganu (+RM78.6 juta) dan Kelantan (+RM40.5 juta).


Selangor terus mendominasi import Malaysia dengan 26.8 peratus, diikuti oleh Johor (21.1%), Pulau Pinang (20.9%), W.P. Kuala Lumpur (7.4%) dan Kedah (6.0%).

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Carta 1: Data Siri Masa Eksport dan Import bagi negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor, September 2022 – September 2023 (RM Bilion)



Paparan 1: Infografik Statistik Eksport Import Mengikut Negeri, September 2023



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
27 OKTOBER 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

PRESS STATEMENT

FOR EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE SEPTEMBER 2023

EXPORTS OF THREE STATES REGISTERED AN INCREASE IN SEPTEMBER 2023

PUTRAJAYA, 27 October 2023 – Malaysia's total trade for September 2023 amounted to RM224.4 billion with exports and imports recorded RM124.5 billion and RM100.0 billion, respectively as reported today in **EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE SEPTEMBER 2023**.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said exports was valued at RM124.5 billion in September 2023, decreased RM19.8 billion (-13.7%) as compared to the same month of the previous year. The decrease in exports was attributed to the lower exports in most states such as Johor (-RM6.7 billion), Pulau Pinang (-RM4.8 billion), Sarawak (-RM3.8 billion), Selangor (-RM3.1 billion), W.P. Labuan (-RM1.6 billion), Sabah (-RM983.3 million), Perak (-RM537.9 million), Terengganu (-RM524.4 million), Melaka (-RM404.6 million), Pahang (-RM306.4 million), Perlis (-RM25.5 million) and Kelantan (-RM12.0 million). However, exports increased in Kedah by RM1.9 billion, W.P. Kuala Lumpur (+RM961.1 million) and Negeri Sembilan (+RM81.9 million).

Pulau Pinang remained as the top exporter with 34.6 per cent share, followed by Johor (19.3%), Selangor (17.1%), Sarawak (6.8%) and Kedah (5.0%).

Looking at the performance of imports by state, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said imports also decreased RM12.5 billion (-11.1%) in September 2023 as compared to the same month in 2022. The decrease in imports was attributed by the lower imports in most states such as Johor (-RM5.1 billion), Pulau Pinang (-RM3.7 billion), Selangor

(-RM2.0 billion), Kedah (-RM754.5 million), Sarawak (-RM665.0 million), Melaka (-RM626.5 million), W.P. Labuan (-RM509.0 million), Perak (-RM255.3 million), W.P. Kuala Lumpur (-RM188.1 million), Sabah (-RM103.1 million) and Perlis (-RM2.4 million). However, imports increased in Negeri Sembilan by RM990.5 million, Pahang (+RM591.6 million), Terengganu (+RM78.6 million) and Kelantan (+RM40.5 million).

Selangor continued to dominate Malaysia's imports with a share of 26.8 per cent, followed by Johor (21.1%), Pulau Pinang (20.9%), W.P. Kuala Lumpur (7.4%) and Kedah (6.0%).

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. "Agriculture Census, Key to Agriculture Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Chart 1: Time Series Data on Exports and Imports in Johor, Pulau Pinang and Selangor, September 2022 – September 2023 (RM Billion)




Exhibit 1: Infographic on Export Import Statistics by State, September 2023



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
27 OCTOBER 2023**